

Banjir 3 negeri beransur pulih

Jumlah mangsa di Kelantan meningkat kepada 1,438 orang

Oleh Abdul Halim Yusoff, Rosli Abdul Jalil, Badrul Kamal Zakaria dan Betty Subaryati
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Keadaan banjir di Terengganu, Johor dan Melaka beransur pulih, manakala jumlah mangsa di Kelantan meningkat kepada 1,438 semalam daripada 674 orang kelmarin.

Pahang pula adalah negeri terburu dilanda banjir semalam apabila 11 mangsa dari dua keluarga di Kampung Chendor Baru, Kuantan dipindahkan ke pusat pemindahan.

Sehingga 7 malam tadi, seramai 3,652 mangsa banjir dipindahkan ke 71 pusat pemindahan banjir di negeri terbabit.

Jumlah mangsa di Melaka berkurang daripada 50 kepada 23, manakala di Batu Pahat, Johor jumlah mangsa kekal 23 orang.

Di **KOTA BHARU:** Seramai 1,438 mangsa daripada 361 keluarga kini ditempatkan di 28 pusat pemindahan di tujuh jajahan.

Jurucakap bilik gerakan banjir Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), berkata jumlah mangsa bertambah berbanding kelmarin kerana paras air sungai dilaporkan semakin meningkat terutama Sungai Jenob di Pasir Mas dan Sungai Golok di Rantau Panjang.

Aras air Sungai Golok di Rantau Panjang ialah 10.26 meter iaitu 1.26 meter lebih tinggi daripada paras bahaya sembilan meter, manakala Sungai Jenob di Pasir Mas mencatatkan tahap waspada iaitu 22.42 meter berbanding bahaya 22.50 meter.



Tiada jalan utama ditutup kecuali beberapa jalan kampung yang masih dinaiki air dan hanya boleh dilalui kenderaan berat

Tajul Ariffin Muhamad
Setiausaha Keselamatan Negara,
(MKN) Terengganu

Di **KUALA TERENGGANU:** Walaupun banjir merebak ke Kemaman dan Marang sejak petang kelmarin jumlah mangsa di pusat pemindahan berkurang daripada 1,749 kepada 1,149 orang yang ditempatkan di 29 pusat pemindahan.

Setiausaha Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu, Tajul Ariffin Muhamad, berkata daerah Setiu kekal paling teruk terjejas akibat banjir apabila seramai 867 orang daripada 326 keluarga masih ditempatkan di 13 pusat pemindahan, berbanding 1,253 orang daripada 274 keluarga kelmarin.

Tiga pusat pemindahan masih dibuka di Besut untuk menempatkan 57 orang daripada 13 keluarga manakala 11 orang daripada empat keluarga di tiga pusat pemindahan di Marang. Seramai 33 orang daripada lapan keluarga di empat pusat pemindahan di Hulu Terengganu dan 181 orang daripada 46 keluarga di masih di enam pusat pemindahan di Kemaman.

Tajul Ariffin berkata, tiada jalan utama ditutup kecuali beberapa jalan kampung yang masih dinaiki air dan hanya boleh dilalui kenderaan berat.

Di **KUANTAN:** Jurucakap bilik gerakan Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Pahang berkata, mangsa di Kampung Chendor Baru berpindah ke pusat pemindahan kira-kira jam 2 pagi apabila kampung itu dinaiki air sedalam kira-kira 0.6 meter bermula jam 11 malam kelmarin.

Katanya, hujan lebat berterusan sejak Selasa lalu, menyebabkan air mula naik secara mendadak terutama di kawasan rendah.

Sementara itu, difahamkan air pasang besar dijangka berlaku malam ini dan ia dikhuatiri mengakibatkan beberapa kawasan rendah seperti di Chendor dan Perkampungan Sungai Isap, dinaiki air.

Jika hujan berterusan sehingga hari ini, paras air Sungai Pahang di Pekan boleh mencecah paras amaran dan penduduk yang tinggal di pesisir sungai, terutama Sungai Ganchong diminta membuat persediaan untuk berpindah jika perlu.

berhampiran rumah mereka kira-kira jam 6 petang.

Bagaimanapun, seorang daripada mereka mengalami kekejangan otot dan terpaksa berpaut pada rakan menyebabkan mereka akhirnya gagal mengimbangi diri dan rebah akibat arus deras.

Mereka dikatakan sempat menyelamatkan diri ke kawasan tinggi dalam keadaan lemah dan kejadian itu dili-



PENGARAH Bomba Kelantan, Azmi Osman mendukung Zulfikri Zulkifli yang baru berkhatan untuk dipindahkan bersama 16 keluarga dari Kampung Serungga ke tempat pemindahan selepas rumah mereka dinaiki air.



WAN AZHAR Wan Ali (kanan) mengambil kesempatan menjual ikan air tawar hasil tangkapan ketika banjir di Kampung Buluh Hilir.



KANAK-KANAK bermain air di Jalan Kampung Alur Wan Said, Pengkalan Berangan, semalam.

Klinik desa ada masalah akan pindah

TANJUNG RAMBUTAN: Klinik desa di negeri yang berdepan masalah banjir akan dipindahkan ke kawasan selamat atau lebih tinggi bagi memudahkan kakitangan bertugas memberi bantuan kepada mangsa banjir.

Menterinya, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata kementerian kini dalam proses mengenal pasti bilangan klinik terbabit, bagi membolehkan kakitangan kesihatan secara berterusan dapat memberi perkhidmatan mereka walaupun berdepan situasi banjir.

"Banjir kini sudah melanda Terengganu dan Kelantan. Kita bimbang keadaan sama di Perlis dan Kedah serta kawasan rendah lain seluruh negara. Jadi, Kementerian sudah bersiap sedia untuk menghadapi situasi itu termasuk memindahkan klinik desa kami ke kawasan lebih tinggi.

"Kita bekerjasama dengan beberapa agensi atau jabatan berkaitan seperti Jabatan Meteorologi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) untuk mengenal pasti klinik desa yang terbabit serta lokasi sesuai untuk dipindahkan," katanya pada pemberita selepas majlis sambutan 100 tahun Hospital Bahagia Ulu Kinta di sini, semalam.

Tiong Lai berkata, kementerian juga akan membuka pusat pemindahan di negeri yang dilanda banjir yang akan berfungsi sepenuhnya bagi membantu pesakit dan orang ramai sepanjang musim tengkujuh.

Dalam perkembangan lain, beliau melahirkan kebimbangan peningkatan kes masalah kesihatan mental di negara ini yang mencapai 11.2 peratus atau 3.17 juta daripada keseluruhan penduduk Malaysia.

Tiga sahabat nyaris dihanyut arus deras

PERMAISURI: Tiga sahabat dari Kampung Bukit Kemudu di sini, nyaris menjadi mangsa banjir apabila mereka dihanyutkan arus deras ketika hendak melihat pukat dalam sawah, petang kelmarin.

Dalam kejadian jam 6 petang itu, Zulhilmi Sulaiman, 24; Razali Ramli, 35, dan adiknya Fadzli, 20, dikatakan mengharungi air setinggi paras dada untuk mengambil hasil tangkapan

hat seorang kanak-kanak yang kebetulan melalui kawasan itu sebelum memaklumkan kepada penduduk.

Bapa Zulhilmi, Sulaiman Ahmad, 50-an ketika ditemui di Hospital Setiu (HS) memberitahu, anaknya bersama dua rakan ingin memeriksa pukat yang dipasang dalam sawah.

Katanya, sejeurus dimaklumkan kejadian itu, beliau bersama beberapa penduduk terus ke tempat terjadi-

an untuk memberi bantuan kepada mangsa yang lemah dan seorang daripada mereka agak kritikal.

"Kami terus menghubungi ambulans untuk bantuan kecemasan dan semua mangsa ke hantar ke HS untuk rawatan lanjut," katanya.

Sulaiman berkata, anaknya dan dua rakan dibenarkan keluar daripada hospital kira-kira jam 4 petang semalam.